

Tangkap ikan guna ‘bom’

Sembilan nelayan warga Filipina ditahan PPM guna bahan letupan di dasar laut

HM 27/07/23 m/s 5

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Guna bahan letupan untuk meletupkan dasar laut sebelum mengutip ikan yang timbul di permukaan.

Itu taktik berbahaya digunakan sembilan nelayan warga Filipina yang ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) kerana disyaki menangkap ikan di perairan barat Pulau Manukan, di sini, jam 6 petang kelmarin.

Semua suspek berusia 25 hingga 60 tahun itu ditahan sepasukan anggota PPM Kota Kinabalu yang menjalankan operasi Op Taring Gelora.



NELAYAN warga Filipina ditahan kerana menangkap ikan guna bahan letupan di perairan barat Pulau Manukan, Kota Kinabalu.

PPM turut merampas 500 kilogram pelbagai jenis ikan bersama dua bot yang digunakan suspek.

Bagaimanapun ketika operasi dilakukan, suspek sempat membuang bahan letupan ke dalam laut sebaik menyedari kehadiran pasukan polis marin.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Ahmad Ariffin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan rampasan dilakukan pihaknya.

“Tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Perikanan Sabah cawangan Kota Kinabalu untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kenyataan.